

# PERPADUAN DAN KOMPOSISI MASYARAKAT DARI PERSPEKTIF IBN KHALDŪN

Oleh:  
Jaffary Awang

## Abstract

*Integration amongst the multi-racial society is an important issue. Many scholars have suggested formulas for the integration of a multi-religious society. In this article some of Ibn Khaldūn's ideas regarding the unity amongst society will be critically discussed. His approaches and concepts such as the role of 'aṣabiyyah in the society during his time will be compared with some western sociologist views. In fact this article is trying to show that Ibn Khaldūn's ideas about the development of society is still relevant to the contemporary situation.*

## PENDAHULUAN

Komposisi masyarakat yang berbilang kaum dan agama sering berbeza dilihat sebagai hambatan untuk mewujudkan perpaduan. Ditambah pula setiap etnik yang ada dalam masyarakat itu mempunyai struktur budayanya yang tersendiri. Keadaan ini menjadikan persoalan perpaduan di kalangan masyarakat yang bersifat multi-etnik, multi-agama dan multi-budaya ini sentiasa mendapat perhatian yang serius di kalangan pengkaji sosial, baik yang semasa atau yang lampau.

Yang jelas, kewujudan masyarakat berbilang kaum ini bukanlah satu fenomena yang baru. Akan tetapi kewujudannya adalah sesuatu yang bersifat tabii, yakni fenomena yang tidak mungkin dipisahkan dari kehidupan manusia. Apa yang penting, kepelbagaian di kalangan masyarakat sepatutnya menjadikan masyarakat bertambah mantap ikatan antara mereka. Namun untuk mencapai tahap perpaduan yang mantap itu, sudah tentu formula yang sesuai perlu diketengahkan.

Untuk itu, artikel ini akan meneliti pandangan seorang tokoh ulama dan pemikir Islam yang tersohor di abad ke-14M iaitu Ibn Khaldūn.<sup>1</sup> berhubung persoalan komposisi masyarakat dan bagaimana kepelbagaian ini dapat mewujudkan perpaduan. Sungguhpun Ibn Khaldūn hidup hampir 688 tahun yang lalu, namun pemikiran beliau mengenai kemasyarakatan masih relevan untuk dibincangkan dalam konteks moden.

## KOMPOSISI MASYARAKAT

Dalam membincangkan komposisi masyarakat, Ibn Khaldūn mengklasifikasikannya kepada dua kelompok besar iaitu, masyarakat primitif (*al-'umran al-badawī*) dan masyarakat bertamadun (*al-'umran al-ḥadārī*).<sup>2</sup> Struktur ini dikemukakan oleh beliau berdasarkan kepada suasana kehidupan masyarakat Arab pada ketika itu.

Kedua-dua kelompok besar ini memiliki ciri-cirinya yang tersendiri dapat membezakan antara satu sama lain. Ciri-ciri perbezaan itu meliputi cara mereka berfikir, cara hidup dan cara bertindak. Secara lebih khusus perbezaan ini meliputi aspek ekonomi, perlakuan politik, aspek keagamaan dan tingkah laku moral.<sup>3</sup> Dalam menganalisis kedua-dua kelompok besar itu, Ibn Khaldūn meletakkan satu prinsip asas bahawa masyarakat adalah satu entiti yang berubah dari kehidupan yang serba mudah kepada yang bersifat kompleks.<sup>4</sup>

Sebelum perbincangan dilanjutkan berhubung dengan perubahan yang berlaku dalam kehidupan bermasyarakat, ada baiknya kita meneliti kepada dua isu utama iaitu masyarakat primitif dan masyarakat bertamadun.

Kemunculan sesebuah masyarakat yang maju atau bertamadun bukannya berlaku secara drastik. Akan tetapi ianya melalui satu proses yang panjang. Kelazimannya ia bermula dari sebuah masyarakat yang serba mudah kemudiannya ia berkembang hingga ke peringkat yang disebut sebagai maju. Dalam membincangkan struktur perkembangan ini, ahli sosiologi moden sering mengkategorikan masyarakat kepada dua kelompok yang disebut sebagai "tipologi sosial". (Lihat jadual)

---

<sup>1</sup> Nama penuh Ibn Khaldūn ialah Abū Zaid 'Abd al-Rahmān ibn Muḥammad ibn Khaldūn Wālī al-Dīn al-Tūnīsī al-Ḥadramī. Beliau dilahirkan di Tunisia pada tahun 723/1332 dan meninggal di Mesir pada tahun 808/1406. Rosenthal, Franz., Terj. *The Muqaddimah: An Introduction to History* 3 Jilid. Princeton: Princeton University Press, 1967, hlm. xxxviii; N.J. Dawood, *The Muqaddimah Ibn Khaldun: An Introduction to History*, trans. By Franz Rosenthal, London: Routledge and Kegan Paul, 1987, hlm. vii-ix; Fuad Baali, *Society, State, And Urbanism: Ibn Khaldun's Sociological Thought*. Albany: State University of New York Press, 1988, hlm. 1.

<sup>2</sup> S.S. Nadwi, *Ibn Khaldun and Primitive Culture. Al-Ilm (7)*, 1987, hlm. 67.

<sup>3</sup> M.M. Rabi', *The Political Theory of Ibn Khaldun*. Leiden: E.J. Brill, 1967, hlm. 48.

<sup>4</sup> S. Faghizadeh, *Sociology of Sociology*. Tehran: The Soroush Press, 1982, hlm. 40.

## Perpaduan dan Komposisi Masyarakat Dari Perspektif Ibn Khaldūn

1. Ibn Khaldūn	Bedoian/ sedentary society
2. Tonnies	<i>Gemeinschaft/ Gesellschaft</i> society
3. Durkheim	Mechanic/ Organic solidarity society
4. Cooley	Primary/ secondary group society
5. Red field	Folk/ Urban society
6. Howard Becker	Sacred/ secular society
7. D. Lerner	Traditional/ Modern society
8. Parsons	Pattern variables (ie: particularism/ Universalism oriented society)

(M. Dhaouadi, 1986,144)

Jadual di atas memperlihatkan bahawa metodologi Ibn Khaldūn dalam mengkaji perkembangan masyarakat mempunyai persamaan dengan apa yang digunakan oleh ahli sosiologi moden Barat yang muncul hampir 500 tahun terkemudian.

Masyarakat primitif dari perspektif Ibn Khaldūn dapat diertikan sebagai masyarakat yang hidupnya serba mudah serta bergantung hidup kepada bercucuk tanam dan berternak.<sup>5</sup> Adapun masyarakat bertamadun pula merupakan masyarakat yang bergantung hidup kepada sumber pendapatan yang lebih tetap sifatnya. Kehidupan mereka juga dikelilingi dengan kemewahan serta kesenangan.<sup>6</sup>

Untuk memperincikan lagi perbincangan ini, maka adalah wajar sekiranya pola masyarakat perimitif dan pola masyarakat bertamadun Ibn Khaldūn dibahaskan mengikut ciri-ciri tertentu yang terdapat dalam masyarakat ini. Bagaimanakah pola kehidupan kedua-dua masyarakat ini dapat membentuk perpaduan di kalangan mereka?

<sup>5</sup> Muhsin Mahdi, *Ibn Khaldun's Philosophy of History*, London: George Allen and Unwin Ltd., 1957, hlm. 193-197.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 202.

### i) Persekitaran Kehidupan Masyarakat

Salah satu ciri yang mewarnai kehidupan masyarakat primitif ini ialah kehidupan yang serba mudah. Yang dimaksudkan dengan kehidupan mudah ini bahawa mereka umumnya merasa mudah atau berpuashati dengan keperluan asas yang dikecapi. Kehidupan mereka lebih kepada memenuhi tuntutan harian daripada mencari kekayaan untuk masa depan. Yang jelas Ibn Khaldūn melihat bahawa cara berfikir dan bertindak kalangan masyarakat primitif ini lebih kepada perkara yang bersifat “*immediate needs*” atau “keperluan bersifat segera.”<sup>7</sup>

Berdasarkan kepada keperluan dan tuntutan hidup semasa, Ibn Khaldūn mendapati bahawa perpaduan di kalangan masyarakat primitif begitu erat. Ini kerana menurut beliau, ahli-ahli masyarakat primitif merasakan bahawa mereka adalah bersama dan terangkum dalam satu unit.<sup>8</sup> Perasaan ini wujud barangkali kerana tabii kerja masyarakat primitif yang kebanyakannya terlibat dalam kegiatan bercucuk tanam, menangkap ikan dan berburu.<sup>9</sup> Dalam konteks penganalisan sosiologi moden masyarakat tani dikatakan memiliki semangat kekitaan yang tinggi kerana mereka sentiasa terdedah kepada bahaya dan musibah-musibah yang menuntut mereka untuk bekerjasama dalam menghadapi segala bentuk rintangan tersebut.

Sekiranya pandangan ini diterima, bererti situasi kehidupan masyarakat primitif yang sedemikian memungkinkan perpaduan di kalangan mereka menjadi begitu kuat, maka Ibn Khaldūn semacam bersetuju bahawa masyarakat akan berpadu jika kehidupan mereka berada dalam keadaan tidak selamat. Ini juga membawa maksud bahawa manusia sanggup melupakan sengketa demi survival hidup mereka. Apakah teori ini masih relevan dalam konteks kehidupan masyarakat moden kini? Atau mungkinkah kehidupan masyarakat moden yang lebih canggih dari segi prasarana mengakibatkan semangat kekitaan antara mereka sudah tidak seutuh masyarakat primitif? Persoalan ini akan diteliti dalam membincangkan faktor perpaduan di kalangan masyarakat bertamadun.

Masyarakat bertamadun atau masyarakat bandar adalah satu entiti masyarakat yang mana kehidupan mereka dikelilingi dengan kemewahan dan kesenangan. Pada peringkat ini, keperluan asas bukan lagi menjadi tumpuan utama, sebaliknya kekayaan dan kesenangan untuk diri sendiri menjadi fokus kehidupan masyarakat bandar.<sup>10</sup>

<sup>7</sup> S.S. Nadwi, “Ibn Khaldun and Primitive Culture,” *Al-Ilm* (7), 1987, hlm. 67.

<sup>8</sup> S. Faghirzadeh, *Sociology of Sociology*, 1982, hlm. 40.

<sup>9</sup> N.J. Dawood, *The Muqaddimah Ibn Khaldun: An Introduction to History*, 1987, hlm. 91.

<sup>10</sup> Muhsin Mahdi, *Ibn Khaldun's Philosophy of History*, 1957, hlm. 202.

Kedudukan ini menjadikan fokus kepada persoalan memperkukuhkan perpaduan di kalangan mereka tidak begitu diberi perhatian. Sebaliknya tumpuan kepada kekayaan, kesenangan dan kedudukan menjadikan struktur masyarakat turut berubah.<sup>11</sup> Bagi Ibn Khaldūn tumpuan keterlaluan kepada persoalan pembangunan boleh menghakis nilai-nilai moral dan agama. Sekaligus bilamana dua perkara ini dikesampingkan dalam masyarakat maka akan terhakis bibit yang menyatukan masyarakat tadi. Ini kerana nilai-nilai kebendaan telah mengatasi nilai-nilai moral yang menjadi tunggak kepada perpaduan masyarakat.<sup>12</sup>

## ii) Kepimpinan dan Tradisi Kehidupan

Dalam mengawal masyarakat, pemimpin memainkan peranan yang penting. Mereka perlu terdiri daripada orang yang dihormati dan memahami selok-belok masyarakat yang ditadbirnya. Perpaduan di kalangan masyarakat banyak ditentukan oleh kepemimpinan yang ditunjukkan oleh ketua dalam masyarakat tersebut. Justeru, dalam hubungan masyarakat primitif, kawal selia mereka dilakukan oleh ketua-ketua kabilah. Di samping tradisi kehidupan mereka seharian yang menjadi sebahagian dari peraturan hidup.

Persoalannya, bagaimanakah ketua-ketua kabilah itu berperanan dalam mengawal masyarakat hingga wujudnya perpaduan. Dari penelitian Ibn Khaldūn, keberkesanan pemimpin adalah bergantung kepada corak atau kaedah yang digunakan. Bagi beliau, seorang pemimpin itu perlu mendapatkan persetujuan dan kepatuhan daripada orang yang dipimpin. Kedua-dua faktor ini amat penting dalam menentukan kejayaan masyarakat yang dipimpinnya. Konsensus atau kesepakatan di kalangan rakyat amat penting bagi menentukan kepatuhan itu wujud. Jika kesepakatan tidak berlaku maka masyarakat akan berada dalam keadaan kucar-kacir. Inilah yang dinyatakan oleh Ibn Khaldūn ketika membincangkan hubungan antara *aṣṣabiyyah* dengan konsensus dan kepatuhan. Menurutny:

“Therefore, he considers them despicable, and they in turn, revolt against him and despise him. They transfer (political) leadership from him and his direct lineage to some other related branch (of his tribe), in obedience to their *asabiyya*...after they have convinced themselves that the qualities of the (new leader) are satisfactory to them.”<sup>13</sup>

<sup>11</sup> N.J.Dawood, *The Muqaddimah Ibn Khaldun: An Introduction to History*, 1987, hlm. 91.

<sup>12</sup> M. Dhaouadi, 1986. An Exploration Into Ibn Khaldun And Western Classical Sociologists' Thought On The Dynamics of Change, *The Islamic Quarterly* (XXX: 3), 1986, hlm. 253.

<sup>13</sup> Rosenthal, Franz., Terj. *The Muqaddimah: An Introduction to History*, Jilid 1, 1967, hlm. 280.

Oleh yang demikian perpaduan di kalangan masyarakat adalah bergantung kepada kesepakatan yang wujud antara pemimpin dan orang yang dipimpin.

Satu hal yang menarik bila membincangkan kaitan antara pemerintah dan rakyat dalam sesebuah negara iaitu pengaruh antara satu sama lain. Dalam hubungan ini, Ibn Khaldūn mendapati bahawa kelazimannya rakyat akan bertindak seperti mana yang dilakukan oleh para pemimpin. Malah pemimpin juga menentukan corak struktur sesebuah negara. Inilah yang dapat difahami daripada kenyataan ini,

“Under the influence of royal authority and a life of ease, the second generation change from the desert attitude to sedentary culture, from privation to luxury and plenty, from a state in which everybody shared in the glory to one in which one man claims all the glory for himself...”<sup>14</sup>

Ini memberi erti bahawa pemimpin begitu berpengaruh dalam mencorak kehidupan rakyat. Segala tindak-tanduk pemerintah akan dijadikan tauladan atau ikutan oleh rakyat yang diperintah.

Seperkara lagi suasana yang melingkungi kehidupan masyarakat bertamadun dengan kemewahan dan kesenangan. Kehidupan sebegini menjurus mereka kepada bentuk sosial yang lebih bersifat individualistik.

Bilamana masyarakat primitif yang berjaya menguasai sesuatu tempat dan kemudiannya mewujudkan suatu pemerintahan maka dari detik itu semangat kekitaan di kalangan mereka semakin berkurangan. Dari pengamatan Ibn Khaldūn, beliau beranggapan bahawa, tradisi membela kaum sudah bertukar kepada tradisi mempertahankan diri sendiri dan memperteguhkan kedudukan diri. Ini kerana pada ketika ini kehidupan mereka di kelilingi dengan kemewahan dan kesenangan. Justeru, penumpuan kepada kekuatan kelompok sudah berubah kepada diri sendiri.<sup>15</sup>

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MENYATUKAN MASYARAKAT**

Dalam menganalisis perkembangan masyarakat, khususnya yang berhubung dengan persoalan penyatuan dan kerjasama di kalangan ahli, Ibn Khaldūn menggariskan beberapa faktor seperti agama, aṣṣabiyyah, keturunan, suasana setempat, dan warna kulit. Walaupun begitu, untuk tujuan rencana ini, penulis hanya akan memfokuskan kepada dua faktor iaitu aṣṣabiyyah dan agama.

---

<sup>14</sup> N.J.Dawood, *The Muqaddimah Ibn Khaldun: An Introduction to History*, 1987, hlm. 137.

<sup>15</sup> S. Fagherzadeh, *Sociology of Sociology*, 1982, hlm. 41.

### i. Aṣṣabiyyah

Umumnya aṣṣabiyyah dapat diertikan sebagai “*sense of solidarity*”, “*group feeling*,” “*group loyalty*” dan “*esprit de corps*.”<sup>16</sup> Untuk memahami secara lebih jelas apakah yang Ibn Khaldūn maksudkan dengan aṣṣabiyyah maka kita perlu meneliti bagaimanakah aṣṣabiyyah berfungsi dalam masyarakat.

Dalam membahaskan fungsi aṣṣabiyyah, Ibn Khaldūn, mengenalpasti bahawa dalam budaya kehidupan manusia wujudnya tiga bentuk perhubungan yang membentuk ikatan manusia. Tiga bentuk perhubungan tersebut ialah hubungan darah (*ṣilaturrahim*), ikatan (*hiḥf*) dan *wala'* (ketaatan).<sup>17</sup> Jika berdasarkan kenyataan Ibn Khaldūn, beliau kelihatan memberi penekanan lebih kepada ikatan darah dalam membentuk aṣṣabiyyah.

“(Respect for) blood ties is something natural among men, with the rarest exceptions. It leads to affection for one’s relations and blood relatives, (the feeling that) no harm ought to befall them nor any destruction come upon them...It makes for mutual support and aid, and increases the fear felt by the enemy...This strengthens their stamina and makes them feared, since everybody’s affection for his family and his ‘assabiyya is more important (than anything else).”<sup>18</sup>

Persoalannya sejauhmanakah bentuk-bentuk perhubungan tersebut dapat membentuk perpaduan di kalangan manusia? Apakah wujudnya perbezaan dari segi kekuatan bentuk perhubungan antara satu sama lain? Manakah bentuk perhubungan yang lebih mantap di antara ketiga-tiga bentuk tersebut.

Dalam melihat bentuk-bentuk ikatan seperti yang dinyatakan di atas, Ibn Khaldūn menegaskan bahawa ikatan yang diasaskan kepada hubungan darah adalah lebih kukuh berbanding dengan ikatan dan ketaatan. Ini kerana hubungan selain dari hubungan darah hanya dikaitkan atas dasar perkahwinan campur, hak perlindungan dan hubungan budaya yang sama.<sup>19</sup>

Apapun pengertian yang diberi terhadap ungkapan aṣṣabiyyah yang nyata menurut Ibn Khaldūn, hakikatnya beliau mengakui bahawa unsur ini dapat

<sup>16</sup> Rosenthal, Franz., Terj. *The Muqaddimah: An Introduction to History*, Jilid 1, 1967, hlm. 263-264, 289.

<sup>17</sup> M.M. Rabi', *The Political Theory of Ibn Khaldun*, 1967, hlm. 49.

<sup>18</sup> Rosenthal, Franz., Terj. *The Muqaddimah: An Introduction to History*, Jilid 1, 1967, hlm. 263-264, 289.

<sup>19</sup> *Ibid.*

menyatukan sesuatu masyarakat. Sifat ini dapat memperkuat dan menstabilkan keadaan masyarakat. Menurut beliau sifat *aṣṣabiyyah* ini dapat “menghilangkan” keturunan seseorang individu, hinggakan identitinya telah menyerap ke dalam kumpulan tersebut.<sup>20</sup> Kekuatan *aṣṣabiyyah* ini tidak hanya dapat mempertahankan sesuatu kelompok masyarakat dari ancaman musuh, malah ia juga berkemampuan untuk memaksa kumpulan lain untuk tunduk kepada mereka.<sup>21</sup> Apabila ini lahir dalam kumpulan tersebut, maka perpaduan akan menjadi semakin mantap. Justeru, kini mereka mempunyai persamaan dari segi matlamat hidup, gaya hidup, serta persamaan dari segi tindakan bagi memenuhi hasrat hidup.

Sudah menjadi semacam *tabi‘i* bahawa manusia lebih cenderung untuk mudah bekerjasama dengan kelompok yang mempunyai kaitan darah atau pertalian saudara. Pada tahap ini anggota masyarakat yang mempunyai hubungan darah barangkali tidak terlalu besar jika dibandingkan dengan masyarakat yang lain. Sungguhpun entitinya barangkali kecil namun kekuatan perpaduan di antara mereka adalah kuat. Inilah dianggap oleh Ibn Khaldūn sebagai nilai *aṣṣabiyyah* yang teguh.<sup>22</sup> Hubungan dalam bentuk ini didapati wujud di kalangan masyarakat primitif Badwi, yang mana Ibn Khaldūn menegaskan bahawa faktor ini adalah antara yang menjadikan survival masyarakat primitif Badwi itu kekal.<sup>23</sup>

Dari itu *aṣṣabiyyah* sebenarnya berjaya membentuk nilai persamaan antara ahli masyarakat setempat. Kefahaman ini kelihatannya mampu menghilangkan perasaan rendah diri di kalangan ahli masyarakat. Dari sudut yang lain *assabiyah* membentuk semangat kekitaan yang kuat samada di kalangan masyarakat yang masih mundur, seperti masyarakat primitif, atau pun di kalangan masyarakat maju, seperti dalam masyarakat bertamadun. Yang jelas perasaan *assabiyah* ini tidak akan hilang dari kalangan masyarakat. Yang membezakannya hanya tahap kekuatan nilai *assabiyah* itu samada ia mampu diterjemahkan dalam bentuk perpaduan yang mantap atau sebaliknya. Hal ini bergantung sejauh mana *aṣṣabiyyah* dipupuk dan dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat.

## ii. Agama

Sungguhpun *aṣṣabiyyah* dianggap faktor yang kuat untuk menyatukan masyarakat akan tetapi faktor agama bagi Ibn Khaldūn lebih mengatasi daripada yang lain. Dalam pemerhatian beliau agama adalah antara faktor yang menyatukan masyarakat pelbagai

---

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 277.

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm.11, 87, 289.

<sup>22</sup> M.M. Rabi', *The Political Theory of Ibn Khaldun*, 1967, hlm. 50.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 51.



kaum dan pelbagai etnik. Persoalannya apakah kekuatan yang ada dalam agama hingga menjadi faktor penyatu kepada masyarakat pelbagai etnik?

Antara elemen terpenting yang berjaya dibentuk oleh agama ialah nilai kesatuan yang merentasi nilai ras dan etnik. Ditambah pula agama dapat menghapuskan perasaan buruk sangka dan hasad dengki di kalangan masyarakat. Menurutnya,

“Only by God’s help in establishing His religion do individual desires come together in agreement to press their claims, and hearts become united...religious colouring does away with mutual jealousy and envy among people who share in a group feeling (aṣṣābiyyā) and causes concentration upon the truth. When people (by the help of religion) come to have the (right) insight into their affairs, nothing can withstand them, because their outlook is one and their object one of common accord... The members of the dynasty they attack may be many times as numerous as they. But their purposes differ...”<sup>24</sup>

Sedangkan aṣṣabiyyah tidak menjamin bahawa semua perasaan ini dapat dihapuskan. Bahkan kadang-kadang perasaan aṣṣabiyyah itu diperkukuhkan dengan elemen-elemen yang negatif seperti benci-membenci dan rasa irihati. Akan tetapi nilai aṣṣabiyyah akan semakin bermakna dalam kehidupan masyarakat sekiranya ia dicantumkan dengan faktor agama.<sup>25</sup>

Pengiktirafan terhadap faktor keagamaan sebagai simbol perpaduan juga diakui oleh Durkheim seorang ahli sosiologi Barat yang muncul 500 tahun kemudian. Dalam isu ini, Durkheim percaya bahawa agama membentuk perpaduan, persamaan, kekitaan dan dapat mempertahankan masyarakat tersebut daripada mana-mana ancaman.<sup>26</sup> Pernyataan ini menjelaskan bahawa nilai keagamaan memainkan peranan yang penting dalam menyatukan masyarakat.

## KESIMPULAN

Apa yang jelas daripada perbincangan di atas ialah perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum bukanlah sesuatu yang mustahil. Malah keadaan yang harmoni dapat

<sup>24</sup> N.J.Dawood, *The Muqaddimah Ibn Khaldun: An Introduction to History*, 1987, hlm. 125-126.

<sup>25</sup> Rosenthal, Franz., Terj. *The Muqaddimah: An Introduction to History*, Jilid 1, 1967, hlm. 324-327, 419.

<sup>26</sup> Durkheim, Emile. *The Division of Labor in Society*. Trans. By George Simpson, New York: The Free Press, 1933, hlm. 341, 399; S. Lukes, 1973. *Emile Durkheim: His Life and Work* New York: Penguin Books, 1973, hlm 463-467, 471.

dicapai sekiranya masing-masing dapat memainkan peranan dengan bijaksana. Kesemua elemen dalam masyarakat seperti anggota masyarakat, pemimpin, sistem yang mengawal kehidupan dan agama harus bergerak seiring dalam mencapai matlamat perpaduan.

Yang jelasnya faktor *asṣabiyyah*, agama dan kepimpinan serta corak hidup masyarakat banyak mempengaruhi keutuhan sesuatu masyarakat. Teguh atau lemahnya perpaduan di kalangan mereka adalah bergantung kepada bagaimana mereka menguruskan faktor-faktor tersebut. Maju mundur dan jatuh bangunnya sesebuah negeri atau pemerintahan juga seperti yang ditegaskan oleh Ibn Khaldūn adalah bergantung kepada kebijaksanaan pemimpinnya dalam mengurus kehidupan agar sentiasa berpadu dan erat bentuk kerjasama antara setiap ahli masyarakat.